

‘Peralihan kuasa PM bukan hal mendesak’

Presiden PKR minta tumpu soal pembangunan, rancakkan ekonomi negara

Oleh Suzianah Jiffar dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Penampang: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata peralihan kuasa Perdana Menteri bukan suatu perkara yang mendesak dan ia akan diputus-

kan pada Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH).

Beliau berkata, paling penting ialah semua pihak perlu memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat dan negeri (seperti Sabah) untuk diberi tumpuan dalam soal pembangunan dan merencanakan ekonomi.

“Saya tidak fikir ini (peralihan kuasa Perdana Menteri) begitu mendesak, sebaliknya saya berpandangan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara lebih mendesak sekarang ini,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Keadilan Sabah 2019 di Pusat Komersial dan Teknologi Antarabangsa (ITCC), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Sabah yang juga Timbalan Ketua Menteri, Datuk Christina Liew.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang berada di Turkmenistan kelmarin, sekali lagi mengulangi kenyataan bahawa hanya Majlis Presiden PH yang akan menentukan kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, cadangan daripada Ahli Parlimen pembangkang supaya beliau kekal sebagai Perdana Menteri sehingga pilihan raya umum (PRU) akan datang adalah pandangan mereka saja.

Khamis lalu, enam Ahli Parlimen UMNO pada satu sidang

media di lobi Parlimen, tampil memberi sokongan supaya Dr Mahathir meneruskan mandat sebagai Perdana Menteri sehingga PRU akan datang.

Setiasaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan juga turut memberi jaminan semua ahli Parlimen parti itu seramai 16 orang turut memberi sokongan kepada Dr Mahathir.

Anwar berkata, soal waktu dan masa peralihan juga akan dibincangkan pada Majlis Presiden PH.

“Pelantikan sebagai Perdana Menteri dan keputusan peralihan daripada Dr Mahathir, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan saya itu diputuskan Majlis Presiden,” katanya.